

Tiga landskap gaya hidup serlah keunikan Ramadan

Sepanjang Ramadan yang mulia ini, rutin harian penduduk beragama Islam berubah mengikut waktu, terutama mereka yang tinggal di bandar besar. Jika pada hari dan bulan biasa, kehidupan penduduk lebih diatur dan dipengaruhi profesionalisme, pada bulan mulia ini faktor ibadat menjadi tunjang kepada kehidupan.

Secara umumnya, rutin harian penduduk pada Ramadan bermula seawal empat pagi untuk bangun bersahur dan seterusnya menjalankan tanggungjawab ibadat yang lain sebelum bergegas menghantar anak ke sekolah, membeli barangan dapur di pasar dan ke pejabat. Jika selalunya, kerja harian di pejabat akan berakhir sekitar jam enam petang, ketika Ramadan ramai mencari juadah berbuka puasa di bazar Ramadan seawal lima petang.

Masyarakat berlain agama meriahkan bazar Ramadan

Kaum yang tidak berpuasa turut sama memeriahkan suasana ini yang jarang dapat dilihat di negara lain. Malahan peniaga sudah berada di tapak pasar itu sejak jam 3 petang lagi sehingga sejurus selepas waktu berbuka.

Orang Islam pula akan berduyunduyun ke surau dan masjid untuk mengerjakan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih yang tidak dilakukan pada bulan lain. Semua ini adalah untuk mencari pahala dan seterusnya mengharapkan keredaan Allah SWT. Segala kegiatan ini akan berlangsung dan berterusan di sepanjang Ramadan ini.

Adalah diperhatikan bahawa, segala kegiatan yang dilakukan ini memberikan tiga implikasi besar terhadap daya humi penduduk di sesebuah kawasan terutama perbandaran itu. Pertama, aktiviti ini menyerlahkan satu bentuk

dan landskap aktiviti harian manusia yang berbeza daripada bulan yang lain.

Aktiviti sedemikian mampu membina dan menyerlahkan ekonomi bandar terutama kalangan peniaga Melayu itu sendiri. Sebagai contoh, seorang peniaga ayam golek di pasar Ramadan boleh meraih keuntungan ribuan ringgit sehari, sekali gus meningkatkan pendapatan dan kualiti hidupnya.

Keduanya, landskap spiritual manusia juga mengalami perubahan. Pada bulan yang mulia ini jugalah

orang ramai berlumba-lumba menghulurkan bantuan dan sedekah jariah terutama kepada anak yatim dan golongan yang memerlukan.

Anak yatim di bandar dibelikan pakaian dan pelbagai lagi keperluan menjelang sambutan Aidilfitri. Pada sebelah malamnya, mereka berada di surau mahupun di masjid menunaikan solat Tarawih, bertadarus, berzikir dan seterusnya mengikuti qiamullail menantikan kehadiran lailatulqadar iaitu malam yang penuh dengan segala keberkatan dan kelebihan.

Aktiviti cermin hubungan rapat dengan yang Maha Esa


Semua aktiviti ini mencerminkan hubungan yang rapat di antara makhluk dengan yang Maha Esa yang mampu memberi kekuatan dan keampuhan dalaman yang bergerak seiring dengan aktiviti harian lainnya pada siang hari untuk kelestarian hakiki.

Ketiganya, landskap aktiviti ekonomi terutama kalangan orang Melayu juga berubah. Pada Ramadan inilah peniaga makanan dan minuman meraih keuntungan berlipat kali ganda daripada bulan lain. Ini belum lagi mengambil kira aktiviti runcit seperti menjual kuih-muih, kurma dan mengambil upah menjahit pakaian raya. Sesungguhnya kehadiran Ramadan sememangnya memberikan rahmat kepada umat Islam di dunia ini.

Daripada segi perancangan bandar itu sendiri, wajar kita melihat aktiviti sepanjang Ramadan itu sebagai satu acara tahunan yang begitu bermakna dengan menyediakan keperluan secukupnya dan sebaiknya kepada peniaga dan pembeli itu sendiri.

Kepada pihak peniaga wajar disediakan satu kawasan tetap yang lebih baik dan selesa untuk tujuan perniagaan agar tidak mengalami pelbagai masalah seperti kesesakan lalu lintas, ruang tempat meletak kereta, pengurusan sampah sarap dan seumpamanya setiap hari. Bagi pihak pembeli pula wajar mendapat satu bentuk pilihan juadah yang bermutu dan dengan harga berpatutan untuk dinikmati semasa berbuka puasa nanti.

Pihak pengelola bandar wajar memberikan peluang seluas-luasnya terutama kepada golongan peniaga ini untuk menyumbangkan tenaga dan keringat dengan berniaga. Pada masa sama, golongan peniaga dan pembeli juga wajar dididik untuk menjaga kawasan daripada sebarang kekotoran dan pencemaran yang dilarang.



Umat Islam selesai solat Tarawih.



Suasana di bazar Ramadan yang jarang dapat dilihat di negara lain.

→
SHA HARUDIN
IDRUS



Penulis

ialah Pensyarah Kanan/Felo Penyelidik Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)